



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**



**KENYATAAN SEBUT HARGA
PADA 22 JUN 2022**

Sebut harga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera Tempatan** yang berdaftar dengan **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

No. Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Harga Dokumen	Tarikh/ Masa & Tempat Lawatan Tapak
SH/ SUKNS /BIL.15/ 2022	Kerja-Kerja Memasang Sistem Kamera Litar Tertutup (CCTV) Di Bangunan Pentadbiran Dan Kerja-Kerja Berkaitan Di Pejabat Majlis Sukan Negeri, Paroi, Negeri Sembilan Darul Khusus	Kelas : G1 Kategori : ME Pengkhususan : E02 & E11	RM30.00 setiap satu borang	TIADA (Sebarang pertanyaan mengenai butiran kerja bagi sebut harga ini boleh menghubungi Encik Mohamad Shahril bin Mohd Haniff di talian berikut 06-7659974 atau hadir ke Unit Pengurusan Bangunan Dan Aset, Pejabat SUKNS)

Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat pada pukul **9.00am – 4.00pm** mulai **23 Jun 2022** hingga **29 Jun 2022** pada waktu pejabat di **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus** dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk tunai dan bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** serta **Sijil Pengiktirafan Bumiputera** semasa membeli Dokumen Sebut Harga. Dokumen yang telah lengkap diisi disertakan bersama satu salinan bagi ketiga-tiga sijil tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat **Unit Kewangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Tingkat 5, Blok A, Wisma Negeri, 70503 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus**.

Tarikh tutup sebut harga iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 30 Jun 2022 (Khamis)**. Sebut harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Sebarang pertanyaan mengenai pembelian dokumen sebut harga boleh menghubungi di talian **06-7602045 / 06-7659917**.